

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL  
[ TENOM ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Noorita Binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan komitmen pihak Kerajaan di dalam memperkenalkan Akta Gangguan Seksual dan apakah garis masa Akta tersebut akan dibentangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tenom, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited dalam usaha mewujudkan persekitaran yang selamat dan bebas gangguan seksual untuk seluruh rakyat, khususnya golongan wanita.

Draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) telah digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas dengan penyertaan pelbagai pihak yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyasarkan pembentangan RUU ini bagi **bacaan kali pertama semasa Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat yang akan bersidang dari 25 Oktober hingga 16 Disember 2021 tertakluk kepada kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara (*white bill*) dan juga persetujuan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri**. Proses semakan RUU adalah satu proses yang perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan RUU ini benar-benar mampu menangani kelompangan perundangan sedia ada dan isu-isu pelaksanaan yang akan timbul.

Pada masa ini, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui akta dan peraturan lain seperti:

- i. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- ii. Akta Kerja 1995 [*Akta 265*];
- iii. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*];
- iv. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*];
- v. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]; dan
- vi. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

#### **SOALAN NO. : 4**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja. Pada masa yang sama, Kementerian terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program kesedaran telah dilaksanakan oleh JPW dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk meminda undang-undang sivil dan Syariah untuk meningkatkan umur perkahwinan kepada secara mutlak dan bilakah usaha ini akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun merupakan salah satu strategi tempoh jangka masa panjang (2020-2025) di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Pelan ini akan dilaksanakan secara bersepadu bagi menangani enam (6) punca perkahwinan bawah umur yang mana salah satu punca yang telah dikenal pasti ialah undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun yang memerlukan tindakan penambahbaikan ke atas perundangan, peraturan dan garis panduan berkaitan perkahwinan supaya selari dengan dasar Kerajaan untuk memastikan perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak terjamin.

Antara program yang telah dirancang dalam pelaksanaan Pelan ini adalah mengadakan siri konsultasi penyeragaman umur minimum permohonan perkahwinan kepada 18 tahun dalam Undang-Undang Keluarga Islam, undang-undang adat bagi Orang Asli, serta etnik Sabah dan Sarawak serta mengadakan seminar dan latihan kepada pihak yang berwajib memberikan kebenaran permohonan perkahwinan bawah umur supaya mendapat pendedahan yang sewajarnya mengenai hak kanak-kanak termasuklah mengenai perkahwinan bawah umur.

Program-program ini diterajui oleh pelbagai agensi yang berkaitan iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Majlis Adat Istiadat Sarawak, dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.

Sehingga kini, antara program lain yang telah pun dilaksanakan ialah sesi konsultasi dan dialog bersama Pengarah Jabatan Agama Negeri dan Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah mengenai isu perkahwinan kanak-kanak yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada 19 Januari 2021. Dalam hal ini, sokongan dan

**SOALAN NO. : 39**

komitmen yang berterusan daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan program dan tindakan di bawah Pelan ini.

Sekian, terima kasih.